

11 NOV 1999

CUEPACS SAMBUT BAIK JAMINAN PEMBAYARAN BONUS

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Cuepacs hari ini menyambut baik jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membayar bonus RM1,000 atau sebulan gaji dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus kepada kakitangan awam jika rakyat memilih semula kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya umum ini.

Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata, kongres itu berpendapat jaminan itu menunjukkan bahawa kerajaan memberi perhatian berat kepada kakitangan awam dan rakyat pada keseluruhannya.

"Pengumuman ini melegakan kakitangan awam dan rakyat, yang menjadi keliru mengenai kedudukan cadangan-cadangan yang dibuat dalam Belanjawan 2000 itu apabila Parlimen dibubarkan hari ini," katanya dalam kenyataan di sini.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin mengumumkan pemberian bonus dan kenaikan gaji untuk kakitangan awam ketika membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Okt lepas.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs berharap kakitangan awam di semua peringkat terus memberi perkhidmatan terbaik dalam melaksanakan tugas masing-masing sebagai balasan kepada pemberian kerajaan dan seterusnya menyokong kerajaan yang memerintah.

"Kakitangan awam tidak boleh mencampur-adukkan urusan politik dengan pentadbiran kerajaan kerana tindakan ini akan menjejaskan urusan pentadbiran kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

AFY NMO